

01 JUN 1998

Mustapa-Harrods

HARRODS TAWAR LATIHAN PENGURUSAN KEPADA 15 RAKYAT MALAYSIA

SERDANG, 1 Jun (Bernama) -- Gedung membeli belah terkemuka di United Kingdom, Harrods, menawarkan latihan dalam bidang pengurusan dan pemasaran kepada 15 rakyat Malaysia termasuk empat peserta Skim Usahawan Siswazah (SUS).

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata tawaran itu dibuat hasil inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pemilik gedung itu, Mohamed Al-Fayed, mengunjungi Malaysia Februari lepas.

Al-Fayed, yang mempunyai hubungan akrab dengan Dr Mahathir, bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri dan bersedia menawarkan tempat latihan kepada rakyat Malaysia.

"Kementerian Pembangunan Usahawan pula dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti mereka yang layak mengikuti latihan peringkat penolong pengurus eksekutif di Harrods," katanya selepas majlis pelancaran SUS dan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara kementerian dan 14 syarikat yang menyertai SUS.

Kesemua peserta itu akan mengikuti latihan antara enam bulan dan dua tahun di gedung itu dan Harrods akan memberi elaun antara 700 dan 800 pound sebulan kepada setiap peserta.

Mereka dijadualkan berlepas ke London hujung bulan ini, katanya.

Mustapa berkata seramai 11 orang daripada peserta itu merupakan mereka yang berpengalaman dalam bidang pengurusan dan pemasaran di gedung membeli belah manakala empat orang lagi ialah peserta SUS.

Harrods merupakan syarikat asing tunggal yang menawarkan tempat latihan kepada peserta SUS selain 36 syarikat tempatan, katanya.

Mengenai SUS yang diperkenalkan kerajaan pada 1 April lepas, beliau berkata kementerian mengadakan kursus lima hari untuk kumpulan pertama 29 peserta SUS pada Sabtu lepas dan kumpulan kedua seramai 23 peserta sedang mengikuti kursus itu.

SUS bertujuan memberi peluang kepada siswazah mendapat pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengurusan perniagaan dan mewujudkan usahawan daripada kalangan siswazah.

Mustapa berkata ia akan dilaksanakan mengikut tiga cara iaitu siswazah terus membuka perniagaan, menjalani latihan dan memulakan perniagaan, dan latihan sambil bekerja di syarikat-syarikat tertentu.

Beliau berkata kerajaan memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi skim itu yang akan ditadbir oleh Bank Pembangunan dan siswazah boleh memohon bantuan modal antara RM20,000 dan RM100,000.

Mustapa berkata seramai lapan orang siswazah berminat untuk membuka perniagaan secara terus dan memohon bantuan modal berkenaan.

Kementerian menerima lebih 1,000 permohonan termasuk siswazah yang telah lama bekerja tetapi keutamaan untuk skim ini ialah kepada siswazah yang baru lulus, katanya dan menambah kata sebanyak 500 tempat latihan dikenal pasti sehingga kini.

Sementara itu, dua siswazah yang akan menyertai latihan di Harrods, Ahmad Ambar Abdul Hamid dan Siti Nooraini Noor Anuar, ketika ditemui menyatakan rasa gembira dengan tawaran itu dan berjanji akan menggunakan peluang itu sebaik mungkin.

Siti Nooraini, 25, lulusan sarjana muda pengurusan sistem maklumat dari Northern Illinois University, Amerika Syarikat berkata beliau berharap untuk menceburi bidang perniagaan sekembalinya dari latihan itu.

Ahmad Ambar, lulusan sarjana muda Perniagaan dan Keusahawan dari Universiti Wollverhamton, United Kingdom, berkata beliau beliau bercadang membuka perniagaan sendiri setelah menimba ilmu di geduang yang terkenal di dunia itu.

-- BERNAMA

NHD NAK